

Dadah masih musuh nombor satu, bukan rasuah

WARTAWAN SINAR HARIAN

9 OGOS 2017



Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed (kanan), selepas merasmikan Perhimpunan Anak Muda Penggerak Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam), di sini hari ini.

KUALA LUMPUR - Sindiket pengedaran dadah yang memberi tumpuan penglibatan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dan pelajar sekolah menengah, menjadikan dadah kekal sebagai musuh nombor satu negara, bukannya rasuah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, perkara itu dilihat membimbangkan kerana golongan pelajar mudah terpengaruh tanpa memikirkan kesan dadah dalam kehidupan mereka.

“Jika SPRM kata rasuah musuh nombor satu negara, pada saya ia tidak benar. Dadah masih menjadi musuh nombor satu negara kerana melibatkan golongan pelapis.

“Yang nyata kini sekolah-sekolah menengah juga sudah menjadi tumpuan sindiket untuk menarik penglibatan remaja. Jika tidak berbuat sesuatu, tidak mustahil murid sekolah rendah juga akan

terbabit,"katanya ditemui selepas merasmikan Perhimpunan Anak Muda Penggerak Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam), di sini hari ini.

Nur Jazlan berkata, 78 peratus daripada 52,000 penagih dalam komuniti adalah orang muda berusia antara 19 hingga 39 tahun.

Nur Jazlan yang juga Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan berkata, pihaknya kini menumpukan lebih ramai penglibatan golongan muda dalam usaha menjadi pembimbing rakan sebaya agar menjauhi dadah.

"Kita juga bercadang untuk memberi salah satu kerusi Naib Yang Dipertua daripada golongan muda berusia bawah 30 tahun untuk bertanding.

"Kita ada 300,000 ahli Pemadam seluruh negara, namun kebanyakannya sudah berusia. Jadi kita ke arah meremajakan Pemadam dengan penubuhan lebih banyak kelab Pemadam di peringkat IPT dan sekolah," katanya.